



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**Bantuan Kepada Waris Penumpang dan Krew Warganegara Malaysia yang Terlibat  
Dalam Tragedi Pesawat Malaysia Airlines MH17**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bantuan kewangan secara bayaran sekali gus (*one-off*) berjumlah USD5,000 kepada setiap waris penumpang dan krew pesawat Malaysia Airlines MH17 semasa beliau mempengerusikan mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Mac 2016 yang lepas. Bantuan akan diberikan kepada waris 44 orang penumpang warganegara Malaysia termasuk 15 orang anak kapal yang sedang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur.

YAB Perdana Menteri berharap bantuan tersebut akan dapat meringankan beban kewangan dan emosi yang dialami mereka akibat kehilangan ahli keluarga dalam naħas tersebut.

Kerajaan tidak pernah lupa akan kebajikan mereka dan sentiasa prihatin dengan kesulitan yang dihadapi. Penyaluran bantuan kewangan ini akan diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam masa terdekat.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengambil berat kebajikan waris penumpang dan krew dengan bersedia menghulurkan bantuan daripada segi khidmat kaunseling melalui kaunselor terlatih Lembaga Kaunselor KPWKM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain itu, KPWKM turut menyediakan perkhidmatan aduan krisis masyarakat di Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam bagi membantu waris sekiranya diperlukan.

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
22 Mac 2016